

Di Negeri Sembilan selain laut yang menjadi tumpuan pemancing rekreasi, beberapa sungai juga didapati sesuai bagi menjalankan aktiviti santai berkenaan termasuk Sungai Triang.

Sungai yang mengalir di Jelebu sepanjang kira-kira 50 kilometer itu mempunyai pelbagai spesies ikan termasuk yang jarang ditemui.

Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe berkata, perikanan rekreasi boleh menjadi sumber ekonomi kepada penduduk setempat jika diurus dengan betul.

Katanya, seperti di Sungai Triang, kepelbagaian spesies ikan yang mendiami sungai berkenaan menyebabkan ia menjadi tumpuan pemancing rekreasi.

"Selain Sungai Triang,

'Memburu' ikan di Sungai Triang

Hn 12/9/2024 pg 35



PESERTA memancing bersama hadiah dimenangi.

Sungai Timun di Rembau yang terkenal dengan udang galah turut menjadi tumpuan pemancing rekreasi serta Sungai Muar

di Kampung Londah, Gemas juga menjadi tumpuan pemancing rekreasi," katanya.

Kasim berkata,

perikanan rekreasi boleh memberi manfaat kepada penduduk kampung berhampiran termasuk jualan makanan dan inap-

desa.

"Jika dahulu memancing kebiasaan dilakukan orang kampung, namun hari ini ia juga semakin diminati penduduk bandar dan mereka akan mencari lokasi sesuai untuk memancing," katanya.

Kasim berkata, kehadiran pemancing rekreasi juga diharap dapat membantu mengawal dan menghapuskan populasi ikan pemangsa asing seperti baung ekor merah (BEM) di Sungai Triang.

Mengulas mengenai sumber ikan di Sungai Triang, Kasim berkata, ada pelbagai spesies mendiami sungai berkenaan yang ramai tidak mengetahuinya.

Katanya, program Ekspedisi Memburu BEM 3.0 pada Mei lalu membongkar kepelbagaian

spesies antaranya ikan dikategorikan sebagai jarang ditemui seperti bentulu, sikang, kenerak, begahak dan masai.

Sementara itu, Pengerusi JPKK Kampung Sungai Buloh Mostakim Muhammad juga mengakui Sungai Triang di kampung itu menjadi tumpuan pemancing rekreasi terutama pada hujung minggu.

Katanya, pelbagai pertandingan memancing dianjurkan pihaknya membabitkan lokasi seperti di Empangan Sungai Buloh.

"Biarpun tidak menawarkan hadiah lumayan, namun setiap kali kami menganjurkan pertandingan ia bukan sahaja disertai pemancing rekreasi bahkan pemancing tegar," katanya.